

Lebih 20 sekolah di 5 daerah Terengganu ditutup

KUALA TERENGGANU 6 Jan. – Terengganu mula dilanda banjir mem-babitkan lima buah daerah iaitu Hu-lu Terengganu, Setiu, Marang, Besut dan Kemaman berikutan hujan lebat berterusan sejak semalam.

Sehingga lewat petang ini, seramai 900 mangsa di daerah Hulu Terengganu, Setiu dan Kemaman dipindah-kan ke 18 pusat pemindahan banjir.

Ini termasuk di SK Alor Lik, Dewan Orang Ramai Langkap, Surau Bukit Nyior dan Masjid Kampung Merbau Menyusut (Setiu), Surau Kg. Beru, Balairaya Tok Lawit (Hulu Terengganu) dan di Balairaya Padang Kubu (Kemaman) serta Dewan Orang Ramai Kampung Temala (Marang).

Lebih 20 buah sekolah terpaksa ditutup dengan 12 daripadanya di daerah Setiu yang mem-babitkan keseluruhan 1,500 murid termasuk Sekolah Kebangsaan (SK) Chalok, SK Langkap, SK Kampung Buluh, SK Pelong, SK Bukit Mundok, SK Pak Ba dan SK Merbah Menyusut.

Kira-kira 1,400 murid juga tidak dapat ke sekolah di daerah Hulu Terengganu apabila sembilan buah sekolah dinaiki air termasuk SK Kua, SK Kuala Ping, SK Tapah, SK Matang, SK Teris, SK Kuala Jenderis, SK Bukit Tadok, SK Menerung dan SK Felda Mengkawang.



MURID sekolah mengharungi banjir selepas diarah pulang di Sekolah Kebangsaan Bukit Puteri, Jertih, semalam.

Dua buah sekolah di Besut, SK Bukit Puteri dan SK Tok Raja yang menempatkan lebih 700 murid juga ditutup dan murid diarah pulang setelah kawasan sekolah mereka ditenggelami air sedalam hampir satu meter.

Kemungkinan lebih banyak sekolah akan ditutup esok sekiranya hujan masih berlarutan.

Timbalan Pegawai Pelajaran Besut,

Abd. Halim Hassan berkata, pihak sekolah berkenaan terpaksa menga-rahkan semua pelajar pulang ke rumah masing-masing atas faktor keselamatan berikutan paras air semakin meningkat.

Katanya, beberapa lagi buah sekolah termasuk SK Kampung Baru Tok Dor, Jabi mengambil langkah berjaga-jaga dengan menempatkan semua murid di

tingkat atas bangunan sekolah.

Sementara itu, Pegawai Pelajaran Daerah Hulu Terengganu, Safruddin Ali Hussin berkata, pihaknya telah mengingatkan Guru Besar serta Pengetua agar memastikan keselamatan murid dan peralatan sekolah disimpan di tempat selamat.

“Jika keadaan setempat membim-bangkan mereka perlu memaklumkan mengenai status sekolah agar dibenarkan tutup,” katanya.

Selain itu, sebanyak 13 laluan ditutup kepada semua kenderaan di Hulu Terengganu, antaranya melibat-kan Felda Bukit Kepah dan Jalan Kampung Matang/Kampung Nibong/Paloh Nyior/Bukit Tadok.

Di SETIU pula antaranya mem-babitkan Jalan Pelong/Langkap di Kampung Kuala Pelung, Jalan Peng-kaluan Merbau dan Jalan Permaisuri-Hulu Seladang.

Di DUNGUN, laluan yang ditutup melibatkan Jalan Tok Kah/Lentang dan Jalan Jerangau/Jabor berhampiran Stesen Timbang JPJ Bukit Besi.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri berkata, di Setiu, seramai 78 orang dari 21 keluarga telah dipindahkan ke pusat pemin-dahan di Kampung Merbau Menyusut di daerah itu.